

Sistem perparitan lama punca isu tak selesai

➔ JPS, PBT laksana beberapa projek tingkatkan kapasiti kolam takungan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Nadia Hamid
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) sedang melaksanakan beberapa projek bagi meningkatkan kapasiti kolam takungan sekali gus menambah keupayaan sistem perparitan sedia ada di Lembah Klang.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Seri Ir Zulkefli Hassan, berkata di ibu negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) contohnya, sudah merangka pelan jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan sistem perparitan bertujuan mengawal impak banjir kilat.

Beliau berkata, banjir kilat yang kerap berlaku di ibu negara kebelakangan ini juga disebabkan sebahagian sistem perparitan yang



JPS sedia maklum banjir kilat di ibu negara berlaku disebabkan limpahan air sungai dan sistem perparitan di bandar tidak mampu menampung jumlah yang banyak dalam masa singkat

Zulkefli Hassan,
Ketua Pengarah JPS



Saliran longkang berhampiran IOI Mall Puchong dan Lebuhraya Damansara Puchong kelihatan banyak sampah sarap ketika tinjauan banjir di Puchong, kelmarin.

masih beroperasi dibina pada tahun 60-an dan 70-an, yang pasti memerlukan pengubahsuaian.

Ambil masa untuk disiapkan

Katanya, ia sudah pasti mengambil masa untuk disiapkan, memandangkan kepesatan pembangunan di sini, menyebabkan satu-satu projek perparitan itu melalui cabaran tertentu untuk disiapkan sepenuhnya dalam tempoh singkat.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kejadian banjir kilat yang kerap melanda Lembah Klang sepanjang tahun ini dengan yang terbaru di sekitar KM21 hingga KM21.5 (arah selatan) Lebuhraya Damansara - Puchong.

Dalam kejadian Selasa lalu itu, beberapa laluan sekitar Lembah Klang tenggelam selepas hujan lebat hanya kira-kira sejam bermula jam 3.30 petang yang menyebabkan ribuan pengguna terkandas dalam kesesakan lalu lintas.

Selain LDP, antara lokasi yang terjejas adalah tempat letak kereta Pusat Perniagaan IOI Mall dan Jalan Bukit Puchong di Puchong; Jalan Pantai Bharu dan Jalan Bangsar.

Zulkefli berkata, JPS sedia maklum banjir kilat di ibu negara berlaku disebabkan limpahan air sungai dan sistem perparitan di bandar tidak mampu menampung jumlah yang banyak dalam masa singkat.

“Perlu difahami juga bahawa sistem perparitan yang ada di Kuala Lumpur pada masa ini dibina pada tahun 60-an dan 70-an. DBKL sememangnya sudah ada pelan jangka panjang untuk meningkatkan keupayaan semua sistem perparitan,” katanya

Zulkefli menjelaskan, banjir kilat yang berlaku di ibu negara kebelakangan ini adalah di bawah tanggungjawab dan pemantauan DBKL.

Info

Kejadian banjir kilat di Lembah Klang

➔ 7 September

Hujan lebat kira-kira enam jam menyebabkan beberapa kawasan perumahan di Kampung Melayu Subang dinaiki air lebih satu meter. Hujan sejak jam 2 pagi itu menyebabkan kira-kira 500 rumah di Jalan Chengal, Jalan Jati, Jalan Jambatan Resak, Jalan Merbau dan Jalan Cempaka terjejas, memaksa pemilik rumah mengalih kelengkapan ke tempat lebih tinggi.

➔ 30 Ogos, 1 September

Jalan Lapangan Terbang Subang dan sekitar stesen Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Glenmarie dilanda banjir kilat susulan hujan lebat yang melanda beberapa kawasan sekitar Lembah Klang

➔ 22 Julai

Hujan lebat di sekitar ibu negara menyebabkan beberapa laluan utama dinaiki air hingga mengakibatkan banjir terutama di Cheras, Pudu, Wangsa Maju dan Brickfields. Sebahagian besar laluan di bawah jambat Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di Taman Cheras Baru, dinaiki air setengah meter selepas hujan lebat sejak jam 3.15 petang.

➔ 12 Mei

Hujan lebat sejak jam 6.30 petang menyebabkan beberapa laluan, antaranya Jalan Semantan, Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta), Jalan Bangsar dan Jalan Pudu (hadapan Hospital Tung Shin) serta Jalan Pantai Dalam, ditenggelami air.